

## KURSUS KESUKARELAWAN PELAJAR ASASI (KUKPA) 2019 15 – 16 FEBRUARI 2020

### PENGENALAN

Kursus Kesukarelawan Pelajar Asasi (KUKPA) 2019 merupakan program kesukarelawan yang diadakan untuk pelajar asasi di Kolej Tiga Belas. Program ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat kesukarelawan dalam diri para pelajar. Ilmu kesukarelawan mestilah ada dalam setiap diri seorang pemimpin. Program ini juga dapat menjadikan pelajar peka terhadap keadaan sekeliling dan dapat menjaga kebajikan mereka sendiri. Dengan adanya sifat kesukarelawan dalam diri pelajar, maka seorang pemimpin dapat dilahirkan.

Program ini juga merupakan salah satu platform untuk mencari pelapis bagi Majlis Perwakilan Kolej (MPK) pada sesi akan datang. Para peserta akan dinilai berdasarkan gerak kerja yang telah ditetapkan dalam program ini. Oleh itu, kursus ini amat bersesuaian bagi setiap pelajar yang mula berkecimpung dalam bidang kepimpinan. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi pelajar sepanjang kursus ini dapat dijadikan landasan untuk pelajar meningkatkan sifat kepimpinan dalam diri.

### OBJEKTIF

1. Mengembangkan kemahiran komunikasi secara perseorangan dalam kalangan pelajar. (CS)
2. Melahirkan individu yang berkebolehan untuk memimpin sesuatu projek. (LS)
3. Mewujudkan pelajar yang berkebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif untuk mencapai objektif yang sama. (TS)
4. Dapat melahirkan pelajar yang berkebolehan untuk bertahan serta memberikan perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawab yang diberikan. (CTPS)

### PELAKSANAAN

Kursus Kesukarelawan Pelajar Asasi (KUKPA) 2019 adalah sebuah program untuk pelajar asasi sesi 2019/2020 Kolej Tiga Belas. Program ini dirangka oleh ahli jawatankuasa (AJK) KUKPA yang juga terdiri daripada pelajar asasi sambil dipantau oleh saudari Nurul Hidayah binti Samsudin. Program ini dikendalikan oleh 15 orang Majlis Perwakilan Kolej (MPK), yang juga bertindak sebagai fasilitator sepanjang program ini berlangsung. Kursus ini dijalankan selama dua hari dan melibatkan tiga lokasi yang berlainan iaitu, Hutan Simpanan Sultan Idris Shah (SISFEC), Kolej 13 dan Ladang 15. Pelbagai program telah dijalankan di ketiga-tiga lokasi ini. Antaranya ialah gotong-royong, "jungle trekking" dan "explorace".

### HASIL PEMBELAJARAN

- 1) Melalui kursus kesukarelawan ini, sifat sentiasa menolong orang lain dapat diterapkan dalam diri pelajar asasi dan ini sekali gus dapat mengukuhkan lagi jati diri mereka.
- 2) Dengan adanya program-program yang dijalankan, ia dapat menggilap bakat kepimpinan dalam diri para pelajar asasi.
- 3) Penglibatan para pelajar asasi Kolej Tiga Belas dalam menganjurkan majlis makan malam rasmi ini mampu menanam semangat kerjasama dalam memastikan objektif program tercapai.
- 4) Ahli jawatankuasa pelaksana berpeluang untuk belajar dan menggilap kemahiran insaniah dalam diri masing-masing khususnya dalam aspek kepimpinan supaya dapat melahirkan pemimpin yang cekap dalam pengurusan sumber dan juga program.

### PENGHARGAAN

- 1) Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tiga Belas
- 2) Pihak Pengurusan Kolej Tiga Belas
- 3) Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia



Sesi bergambar para peserta KUKPA bersama fasilitator-fasilitator di SISFEC



Para peserta KUKPA melakukan aktiviti regangan ketika sesi senaman pagi



Peserta KUKPA sedang menjalankan aktiviti menanam pokok di SISFEC



Sesi bergambar semua peserta KUKPA bersama jawatankuasa yang terlibat